

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD  
[ BUKIT GANTANG ]**

**TARIKH : 8 NOVEMBER 2016**

**RUJUKAN : 9365**

**SOALAN:**

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan untuk memastikan penerbitan dan pengedaran Al-Quran *Braille* bagi kegunaan orang kurang upaya penglihatan di Malaysia betul dan tepat mengikut kaedah-kaedah penulisan yang dibenarkan:-

- (a) Bagaimana Kerajaan mengadakan mekanisme kawalan; dan
- (b) adakah pihak yang dibenarkan untuk menerbitkan dan mengedarkan Al-Quran *Braille* dan berapakah jumlah bilangan penerbit tersebut.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Akta Percetakan Teks Al-Quran 1986 [Akta 326] adalah bertujuan untuk mengawal pencetakan, pengimportan, penjualan, penerbitan dan pengedaran teks Al-Quran dan bahan Al-Quran untuk membuat peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan. Sehubungan itu, mekanisme kawalan terhadap penerbitan dan pengedaran Al-Quran Braille adalah juga tertakluk di bawah Akta Percetakan Teks Al-Quran 1986 [Akta 326] sebagaimana naskah-naskah Al-Quran yang bukan tulisan Braille.**

**Dalam hal ini, mana-mana Al-Quran termasuk Al-Quran Braille yang hendak diterbitkan atau diimport masuk daripada luar negara hendaklah terlebih dahulu disemak dan mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Percetakan Al-Quran (LPPPQ) sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 6 dan 7, Akta Percetakan Teks Al-Quran 1986 [Akta 326].**

**Setakat ini, hanya satu (1) teks Al-Quran Braille yang telah diluluskan oleh LPPPQ iaitu yang diterbitkan dan diedarkan oleh Persatuan Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS).**

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILSON UGAK  
KUMBONG  
(HULU RAJANG)**

**TARIKH : 8.11.2016 (SELASA)**

**SOALAN : 45**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan apakah inisiatif yang sedang diambil bagi membantu penduduk di kawasan Bakun dan Murum bagi mendapatkan bekalan elektrik untuk kegunaan harian mereka kerana pencawang elektrik dibina merentasi kawasan tanah mereka.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi kawasan Bakun, sejumlah RM37.1 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan projek BELB dan memberi manfaat kepada 563 buah rumah manakala bagi kawasan Murum, sejumlah RM24.4 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan projek BELB dan memberi manfaat kepada 131 buah rumah. Kedua-dua projek ini dijangka siap sepenuhnya sebelum akhir tahun 2016.